SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2022 Bahasa Melayu Sem 1 Terengganu

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

STPM 2022

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SEMESTER 1

BAHASA MELAYU

Nama :.....

Kelas :.....

DIBIAYAI OLEH KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

Bahagian A [20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan. Tandakan jawapan yang betul pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang dibekalkan.*

1

X	*Y*
Kaidipan Bulanga Angkola-Mandailing	Benggai Goram Tinombo

Yang manakah pernyataan yang benar tentang *X* dan *Y* di atas?

I Berasal dari rumpun Austronesia Barat
II Berasal dari rumpun Austronesia Timur
III Merupakan keluarga bahasa Melanesia
IV Merupakan subkeluarga bahasa Nusantara

A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

2 Yang manakah **tidak** mempunyai persamaan antara batu bersurat di Kota Kapur dengan batu bersurat di Karang Brahi?

A Kedua-duanya dijumpai di Pulau Jawa.
B Kedua-duanya ditulis dengan tulisan Palava.
C Kedua-duanya dijumpai pada tahun 686 Masihi.
D Kedua-duanya ditulis pada zaman kerajaan Sriwijaya

3

	Batu bersurat
I	Kedukan Bukit
II	Talang Tuwo
III	Kota Kapur
IV	Gandasuli

	Isi kandungan
P	Kisah pembinaan sebuah taman oleh Raja Jayanasa untuk memberikan kebahagiaan kepada semua makhluk.
Q	Isi kandungannya memberikan gambaran bahawa bahasa Melayu Kuno digunakan dari Sumatera ke Pulau Jawa.
R	Kisah pelayaran seorang raja bersama dengan 20,000 orang tentera untuk mendapatkan kuasa sakti.
S	Kandungannya tentang seruan terhadap dewa dan makhluk-makhluk tinggi agar melindungi kerajaan Sriwijaya.

Yang manakah padanan yang **betul** antara batu bersurat dengan isi kandungannya?

	I	II	III	IV
A	*S*	*Q*	*R*	*P*
B	*R*	*Q*	*S*	*P*
C	*S*	*R*	*P*	*Q*
D	*R*	*P*	*S*	*Q*

4 Yang manakah yang **tidak** benar tentang struktur ayat bahasa Melayu klasik?

A Banyak menggunakan ayat aktif
B Banyak menggunakan ayat majmuk
C Banyak menggunakan ayat susunan songsang
D Kebanyakan ayatnya panjang sehingga sukar difahami

5

- Buku daftar kata dihasilkan
- Lahirnya karya bahasa Melayu
- Dipelajari oleh orang Cina, India, dan Perancis

Pernyataan di atas menepati fungsi bahasa Melayu klasik sebagai

A bahasa ilmu
B bahasa persuratan
C bahasa perantaraan
D bahasa pentadbiran

10 Yang manakah frasa yang mengandungi diftong?

A Raut wajah ibu
B Daun pokok bunga
C Menyertai peraduan itu
D Sungguh diminati ramai

11 Jenis vokal bahasa Melayu ditentukan oleh

A getaran pita suara
B bukaan rongga mulut
C bahagian lidah yang terlibat
D sekatan terhadap laluan udara

12

	Jenis vokal
I	Vokal tengah
II	Vokal depan luas
III	Vokal belakang sempit
IV	Vokal depan separuh sempit

	Contoh perkataan yang menggunakannya
P	Ceraian
Q	Cerewet
R	Tumpuan
S	Cawangan

Padanan yang manakah yang betul antara jenis vokal dengan contoh perkataan yang menggunakannya?

	I	II	III	IV
A	*P*	*S*	*R*	*Q*
B	*R*	*P*	*Q*	*S*
C	*S*	*P*	*R*	*Q*
D	*P*	*S*	*Q*	*R*

13 Pasangan yang manakah yang kesemua perkataannya mengandungi konsonan pinjaman?

I Masyarakat, veteran
II Tembaga, ikhtiar
III Takrif, maghrib
IV Zaman, wuduk

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

Bahagian B [30 *markah*]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab semua soalan.

Tahun 2020 meninggalkan kenangan pahit kepada negara apabila kita terpaksa bergelut dengan pandemik Covid-19. Antara yang terkesan dengan pandemik tersebut ialah sektor pendidikan. Bermula dari prasekolah hinggalah pendidikan tinggi, semuanya terjejas. Jangkaan bahawa pada tahun 2021 akan memberikan sinar yang lebih cerah berbanding dengan tahun sebelumnya belum ada kepastian. Cabaran paling besar bidang pendidikan sepanjang pandemik menyerang ialah halangan keberadaan pelajar dan pendidik secara bersemuka di semua institusi pendidikan.

Pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian tanpa persediaan yang teliti menambahkan keresahan semua pihak. Secara teorinya, pembelajaran dalam talian senang untuk diungkapkan, namun hakikatnya tidaklah semudah itu untuk dipraktikkan. Kita perlu menerima hakikat bahawa realiti pendidikan dalam negara belum bersedia sepenuhnya untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara maya. Banyak isu berbangkit terpaksa dihadapi seperti pemilikan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi dalam kalangan pelajar, akses Internet, kemahiran guru, dan sebagainya. Sepanjang pelaksanaan pembelajaran dalam talian sebelum ini, banyak pelajar tidak dapat mengikuti proses pembelajaran disebabkan tiada peralatan, terpaksa bergilir-gilir menggunakan komputer dengan adik-beradik yang lain, liputan Internet yang lemah, tiada kemampuan untuk membiayai kos data Internet, dan sebagainya.

Menyedari cabaran utama pendidikan bagi tahun 2021 berkaitan dengan akses pendidikan khususnya isu pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian, maka penyelesaian juga perlu difokuskan secara tuntas untuk memperbaik kebolehan akses agar tiada pelajar yang tercicir. Kerajaan juga sedang berusaha untuk memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dipertingkatkan segera supaya isi kandungan pendidikan dapat disampaikan secara optimum oleh pendidik kepada anak didik mereka. Usaha tersebut perlu dilaksanakan secara berterusan untuk mengecilkan defisit hasil pembelajaran yang bakal diperoleh murid melalui pembelajaran di rumah.

Segala rintangan yang menghalang proses pengajaran dan pembelajaran ini akan ditangani oleh kerajaan dengan bijaksana. Walau bagaimanapun, seluruh warga pendidik perlu bersatu padu melakukan usaha yang terbaik bagi memastikan pendidikan pelajar tidak tercicir sepanjang tempoh pandemik Covid-19. Semua agensi yang bertanggungjawab juga perlu memanfaatkan semaksimum mungkin peruntukan pendidikan yang disalurkan melalui Belanjawan 2021. Hal ini penting untuk meningkatkan kemudahan pendidikan bagi membolehkan pelajar terus berhubung dengan para pendidik.

(Disesuaikan daripada *Dewan Masyarakat*, Bil. 02/2021)

21 Apakah cabaran bidang pendidikan sepanjang pandemik Covid-19? [2]

22 Apakah masalah yang dihadapi oleh pelajar untuk belajar secara dalam talian? [4]

23 Jelaskan sebab kerajaan perlu menyelesaikan isu pembelajaran dalam talian. [4]

24 Andaikan anda sebagai seorang guru di sekolah. Jelaskan usaha yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Panjang jawapan anda hendaklah tidak lebih daripada 150 patah perkataan.

[20]

Bahagian C [*50 markah*]

*Tulis **sebuah** karangan yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk di bawah.*

25 Kini, permainan video menjadi kegilaan ramai yang menyebabkan pemain leka bermain tanpa batasan menerusi alam maya. Jelaskan kesan bermain permainan video kepada pengguna dan huraikan peranan yang boleh dimainkan oleh pelbagai pihak dalam usaha untuk menangani masalah ketagihan bermain permainan video.

26 Ada pendapat yang mengatakan bahawa masalah kegemukan atau obesiti yang dialami oleh sebahagian besar anggota masyarakat kita pada masa ini dipengaruhi oleh gaya hidup moden yang diamalkan oleh mereka. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pendapat itu?

27 Pertambahan bilangan kemasukan pelancong asing ke negara ini pada setiap tahun membuktikan bahawa negara kita sudah menjadi destinasi pelancongan yang tersohor di dunia. Huraikan kepentingan perkembangan industri itu kepada masyarakat dan negara ini. Cadangkan usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk menambahmajukan industri pelancongan di negara kita.

SKEMA JAWAPAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM

BAHASA MELAYU SEMESTER 1 2022

Bahagian A [20 *markah*]

No.	*Jawapan*
1	**B**
2	**A**
3	**D**
4	**A**
5	**A**
6	**C**
7	**A**
8	**C**
9	**A**
10	**D**

No.	*Jawapan*
11	**C**
12	**A**
13	**B**
14	**D**
15	**B**
16	**D**
17	**C**
18	**D**
19	**B**
20	**C**

Jawapan Bahagian B [30 *markah*]

21 Apakah cabaran bidang pendidikan sepanjang pandemik Covid-19? [2]

- Halangan keberadaan pelajar dan pendidik secara fizikal di institusi pengajian [1]
- Pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian tanpa persediaan yang teliti [1]

22 Apakah masalah yang dihadapi oleh pelajar untuk belajar secara dalam talian? [4]

- Tiada peralatan [1]
- Terpaksa bergilir-gilir menggunakan komputer dengan adik-beradik [1]
- Liputan Internet yang lemah [1]
- Tiada kemampuan untuk membiayai kos data Internet [1]

23 Jelaskan sebab kerajaan perlu menyelesaikan isu pembelajaran dalam talian. [4]

- Untuk memperbaik kebolehan akses agar tiada pelajar yang tercicir [2]
- Supaya isi kandungan pendidikan dapat disampaikan secara optimum oleh pendidik kepada anak didik mereka [2]
- Untuk mengecilkan defisit hasil pembelajaran yang bakal diperoleh murid melalui pembelajaran di rumah [2]

Catatan: Pilih mana-mana **dua** daripada jawapan di atas.

24 Andaikan anda sebagai seorang guru di sekolah. Jelaskan usaha yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kualiti pengajaran. Panjang jawapan anda hendaklah **tidak** melebihi 150 patah perkataan. [20]

Skema pemarkahan

(a) Pembahagian markah adalah seperti yang berikut:

Aspek	*Markah*
Isi	15 (3 isi x 5 markah)
Bahasa	5
Jumlah	**20**

(b) Pembahagian markah bagi isi dan bahasa adalah seperti yang berikut:

(i) Isi [3 isi x 5 markah = 15 markah]

Aspek	*Markah*
Isi utama	2
Huraian isi utama	1
Contoh	1
Huraian contoh	1
Jumlah	**5**

(ii) Bahasa [5 markah]

Tahap	*Markah*	*Kriteria*
Amat baik	5	• Penggunaan bahasa lancar • Tiada kesalahan sintaksis
Baik	4	• Penggunaan bahasa lancar dan berkesan • Terdapat 1 hingga 3 kesalahan sintaksis
Sederhana	3	• Penggunaan bahasa masih baik • Terdapat 4 hingga 6 kesalahan sintaksis
Lemah	2	• Penggunaan bahasa tidak lancar • Terdapat 7 hingga 9 kesalahan sintaksis
Amat lemah	1	• Penggunaan bahasa amat tidak lancar • Terdapat lebih daripada 10 kesalahan sintaksis

Catatan: Markah maksimum aspek bahasa mengikut jumlah patah perkataan jawapan adalah seperti yang berikut :

Jumlah perkataan	*Markah maksimum*
101 - 150	5
50 - 100	4
Kurang 50	3 dan ke bawah

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar